
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JPS 413 - PERKEMBANGAN KEMAHIRAN BERBAHASA
DAN MATEMATIK**

Masa : 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SOALAN 1 dan TIGA soalan lain

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

...2/-

1. Pilih salah SATU (1) mata pelajaran berikut:

- (a) Bahasa Melayu
- (b) Bahasa Inggeris
- (c) Matematik

Bincangkan pandangan ahli falsafah dan psikologi tentang teori-teori behaviouris, mentalis dan konstruktivis berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran yang anda pilih. Berikan contoh-contoh aktiviti yang sesuai.

(40 markah)

2. (a) Jelaskan maksud kefahaman bacaan.

(5 markah)

(b) Bincangkan TIGA (3) kategori kefahaman bacaan dan nyatakan kemahiran-kemahiran kefahaman bacaan yang sesuai bagi setiap kategori.

(15 markah)

(c) Berdasarkan SATU (1) contoh petikan yang sesuai, bina DUA (2) soalan bagi setiap kategori.

(10 markah)

3. (a) Jelaskan maksud Bahasa Reseptif (*Receptive Language*) dan Bahasa Expresif (*Expressive Language*).

(10 markah)

(b) Kanak-kanak dikatakan boleh berbahasa sekiranya mereka menguasai 'kemahiran berbahasa'. Berserta dengan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan kemahiran-kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai kanak-kanak.

(20 markah)

4.

Pada akhir pelajaran, murid-murid dapat:

- a. menulis maksud 5 perkataan berdasarkan teks bacaan.
- b. menjawab 5 soalan kefahaman bacaan dengan betul.

Berdasarkan objektif di atas, huraikan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan dalam satu waktu pengajaran.

(30 markah)

...3/-

5. (a) Huraikan maksud prinsip-prinsip diagnosis dan diagnosis ketidakupayaan membaca.
(10 markah)
- (b) Bincangkan EMPAT (4) langkah mendiagnosis ketidakupayaan membaca di kalangan kanak-kanak sekolah rendah.
(20 markah)

- oooOooo -

